

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : PELANCARAN MINI PARLIMEN KANAK-KANAK
Lokasi : AUDITORIUM BESAR ANGKASAPURI, KUALA LUMPUR
Tarikh : 28-07-1984

Yang Berhahagia Tuan Pengerusi Majlis; Yang Berhormat Tuan Haji Yahya Lampong, Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar; Ahli-Ahli Yang Berhormat; Dif-dif Kehormat; Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Assalamu Alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pengelola Pelancaran Mini Parlimen Kanak-kanak 1984 kerana menjemput saya untuk memberi ucapan dan seterusnya melancarkan Mini Parlimen Kanak-kanak pada petang ini.

2. Selaku Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Karyaneka, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak khususnya pihak Radio dan Televisyen Malaysia dan Guru-guru Besar sekolah yang mengambil bahagian atas kerjasama yang telah diberikan bagi menjayakan acara ini.

3. Semenjak Kerajaan memberi perhatian yang sungguh-sungguh dalam menggalakkan pertumbuhan industri-industri kraftangan, berbagai-bagai usaha telah dibuat untuk mempertingkatkan lagi mutu dan pengeluaran kraftangan. Salah satu daripada usaha itu ialah menubuhkan Jawatankuasa Rekabentuk/Rekacorak di peringkat Pusat dan Negeri. Antara lain tujuan Jawatankuasa ini adalah memperkenalkan ciptaan-ciptaan baru kepada pengusaha-pengusaha kraftangan. Namun demikian adalah dirasakan orang ramai juga boleh bersama-sama memberikan sumbangan ke arah itu melalui daya kreatif yang ada pada mereka. Cadangan-cadangan itu boleh disampaikan terus kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar atau kepada Pejabat KEMAS Negeri selaku sekretariat kepada Jawatankuasa Karyaneka Peringkat Negeri.

4. Tidak dapat dinafikan kanak-kanak mempunyai idea-idea bagaimana satu-satu barang kraftangan itu, harus dicipta sesuai dengan peringkat pemikiran mereka. Mereka bukan sahaja meminati barang kraftangan itu kerana kecantikan atau nilai-nilai seni yang ada padanya tetapi yang lebih mustahak barang kraftangan itu menjadi sebagai barang permainan yang digemari. Pada hari ini kita berpeluang melihat bagaimana kanak-kanak berdebat di dalam Mini Parlimen mengenai bentuk dan corak barang kraftangan sebagai barang-barang permainan sesuai dengan umur dan pemikiran mereka. Saya percaya dengan sumbangan idea-idea dan pemikiran mereka akan membolehkan lebih banyak ciptaan barang-barang permainan dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha kraftangan kita.

5. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Radio dan Televisyen Malaysia kerana telah memberi kerjasama yang erat kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar khususnya kepada Jawatankuasa Penasihat Karyaneka dalam menjayakan program ini. Adalah menjadi harapan saya semoga program Mini Parlimen Kanak-kanak ini dapat disiarkan melalui Radio dan Televisyen Malaysia sebagai satu siri rancangan yang diminati dan popular di kalangan semua peringkat khususnya kepada kanak-kanak.

6. Dengan harapan semoga rancangan ini mencapai matlamatnya, saya dengan sukacitanya merasmikan Pelancaran Mini Parlimen Kanak-kanak.

Terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.